

CNS4148

U GB 05-10 00175 BA144

Bah

FALSAFAH KOLEJ TAR PERLU DIUBAH: DR MAHATHIR  
Mahathir - TAR

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) --Kolej Tunku Abdul Rahman perlu mengubah falsafahnya dan menerima masuk lebih ramai penuntut bukan Cina, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Kajian perlu dilakukan untuk mengetahui sebab-sebab mengapa tidak ramai penuntut daripada kaum lain belajar di kolej itu meskipun ia dibuka kepada semua kaum dan mengadakan peruntukan supaya pengasingan tersebut tidak begitu ketara, kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas berucap dan menyampaikan sijil dan diploma kepada 683 graduan kolej itu pada majlis konvokesyen kolej tersebut di Wisma MCA, di sini.

Semasa berucap pada majlis itu Datuk Seri Dr Mahathir berkata, falsafah kolej itu yang digubal pada tahun 1960an sudah lapuk dan perlu dikaji dan ditukar.

+Kerajaan tidak bermaksud untuk memaksa. Kerajaan lebih suka kepada tindakan sukarela. Terpulanglah kepada Kolej Tunku Abdul Rahman memikirkan masa depannya, + katanya.

Kolej tajaan MCA i tu di Jalan Genting Klang di sini kini mempunyai kira-kira 8,000 orang pelajar. -- Lagi

♥05/10/13-30MST

CNS4154

U GB 05-10 00159 BA145

Bah

Mahathir -- TAR 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata, peranan kolej itu perlu dikaji semula dalam konteks negara Malaysia yang telah mengalami pelbagai perubahan.

Katanya, penubuhan kolej tersebut adalah daripada desakan masyarakat Cina negara ini pada peringkat awal Malaysia mencapai merdeka, yang ketika itu perbezaan pencapaian antara kaum amat ketara.

Katanya, kaum Bumiputera pada masa itu begitu ketinggalan dalam bidang pelajaran sehingga kerajaan perlu mengambil tindakan tegas memberi seberapa banyak peluang pelajaran kepada Bumiputera supaya mereka dapat mengejar kaum-kaum lain dalam bidang itu.

Pada masa itu, perasaan perkauman amat tebal dan golongan pendidik Cina yang mahu supaya sistem pelajaran Cina dilaksanakan oleh kerajaan bagi orang Cina, walaupun ia akan menjejaskan perpaduan kaum di Malaysia, katanya.

Katanya, sebenarnya penubuhan sebuah universiti Cina dituntut oleh ekstremis Cina ketika itu, dan penubuhan Kolej Tunku Abdul Rahman adalah +penyelesaian+ yang dipilih oleh kerajaan sesuai dengan keadaan pada masa itu. -- Lagi

♥05/10/13-55MST

CNS4169

R GB 05-10 00155 BA148

bah

Mahathir - TAR 3 Kuala Lumpur

Beliau berkata, kini peluang pelajaran untuk bukan bumiputera sudah bertambah kerana kemampuan mereka dan peluang yang lebih luas untuk menuntut cli. luar negeri dan program +berkembar+ dengan

universiti-universiti luar negeri yang membolehkan lebih ramai rakyat mendapat pendidikan tinggi dengan muclah dan kos yang lebih rendah.

+Inilah scenario yang terdapat sekarang. Soal yang perlu ditanya ialah -- apakah peranan yang harus dimainkan oleh Kolej Tunku Abdul Rahman?

+Keadaan sekarang dari segi peluang pelajaran bagi semua kaum sudah banyak berubah. Apakah kedudukan eksklusif dan pendekatan kolej ini masih diperlukan?+ katanya.

Perdana Menteri berkata, pencapaian Bumiputera dalam bidang pelajaran pada masa ini masih ketinggalan dan peratusan profesional Bumiputera masih terlalu rendah berbanding dengan peratusan Bumiputera dalam masyarakat.

Katanya, kerajaan masih member i peluang yang lebih kepada Bumiputera dan kuota dalam univeristid dan institusi seperti Institut Teknologi Mara masih Denting. --Lagi

♥05/10/14-38MST

R GB 05-10 00162 BA149

aab

Mahathir - TAR 4 Kuala Lumpur

Katanya, sungguhpun kerajaan memberi banyak biasiswa kepada Bumiputera, peraturan mereka di luar negeri adalah kira-kira 15 geratus sahaja daripada jumlah penuntut Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan memerlukan kerjasama yang lebih bermakna daripada bukan Bumiputera dalam menajaayakan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) yang bertujuan meningkatkan pencapaian Bumiputera supaya agihan kekayaan negara ini menjadi lebih adil.

Katanya, Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah satu-satunya peraturan sosio-ekonomi yang berjayaberbanding dengan pencapaian sosialisme dan komunisme dalam pengagihan kekayaan di kalangan semua rakyat.

Beliau berkata pertumbuhan ekonomi pada tahun 2020 menjadi lapan kaliganda lebih besar daripada sekarang dengan semua kaum akan mendapat nikmat yang bertambah dan agihan kekayaan antara kaum itu hendaklah adil bagi mengurangkan jarak perpisahan antara kaum sehingga ia tidak lagi menjadi isu.

+Pada tahun 2020, isu keturunan sepatutnya tidak lagi menjadi isu berkaitan kerana masing-masing berupaya bersaing tanpa rintangan, **+ katanya.**  
-- Lagi

♥05/10/14-59MST

R GB 05-10 00209 BA3.50

aab

Mahathir - TAR 5 Kuala Lumpur (akhir).

Perdana Menteri berkata bangsa Malaysia pada tahun 2020 akan mempunyai identiti sendiri dan tidak bercorak negara asal mana-mana kaum.

+Kearifan Wawasan 2020 ini, apakah Kolej Tunku Abdul Rahman masih perlu mengekalkan falsafahnya? Perkembangan yang sudah berlaku sekarang ini memerlukan perubahan pandangan kolej ini. Apakah lagi dengan Wawasan 2020, **+ katanya.**

Beliau juga berkata kerajaan akan membenarkan universiti-universiti luar negeri mengadakan kampus tempatan untuk membolehkan lebih ramai rakyat negara ini mendapat peluang pelajaran tinggi.

Katanya, tiga atau empat buah universiti dari Britain dan Jepun telah mengemukakan cadangan untuk menubuhkan kampus itu dan rundingan mengenai perkara itu akan diadakan seberapa segera.

Beliau berkata, penubuhan kampus cawangan itu adalah untuk mengatasi masalah perbelanjaan besar yang ditanggung dalam menghantar pelajar negara ini ke luar negeri dan kerana Malaysia tidak dapat menubuhkan universiti kerana kekurangan professor dan pensyarah.

Seramai 1,537 orang graduan menerima sijil dan diploma masing-masing, iaitu 683 orang pada sesi sebelah pagi yang disampaikan oleh Perdana Menteri manakala 854 orang menerimanya daripada Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek pada sesi petang.

Yang turut hadir ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan menteri-menteri dari MCA. -- Bernama

♥05/10/15-04MST